


KONTINJEN SST MENYERTAI SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 2009

Oleh PROF. MADYA DR BABA MUSTA

Sekolah Sains dan Teknologi (SST) telah menghantar kontinen untuk menyertai acara tahunan iaitu Sambutan Maulidur Rasul peringkat Universiti yang diadakan pada 27 Mac 2009 bersamaan 30 Rabiul Awal 1430H. Ketua Kontinen pada tahun ini ialah Prof. Madya Dr Kawi Bidin dan jumlah kontinen SST ialah 68 orang yang terdiri daripada staf akademik, pegawai pengurusan, kakitangan makmal dan kakitangan pejabat SST. Komitmen kontingen SST ditunjukkan dengan kerjasama menyediakan sepanduk yang beroperasi di Bilik Mesuarat Eksekutif, SST. Bahan untuk penyediaan sepanduk dan rekabentuk sepanduk diilhamkan sendiri oleh Ketua Kontinen dan AJK yang terlibat. Disamping mengenang kembali sirah Rasulullah S.A.W dengan lebih berkesan; penglibatan penyediaan sepanduk ini juga menunjukkan sikap berdikari, tolong menolong dan kerjasama dikalangan ahli dalam SST. Perarakan semua kontingen bermula di tapak letak kereta Masjid UMS dan berakhir di Dewan Kuliah Pusat, UMS. Walaupun SST tidak mendapat sebarang hadiah atau anugerah dalam majlis ini namun penyertaan, kerja sama dan sokongan yang diberikan oleh semua ahli dalam kontinen SST termasuk ahli sekolah yang bukan muslim adalah satu contoh hubungan baik semangat bekerja dalam satu pasukan. Petanda ini juga menunjukkan kukuhnya semangat perpaduan dikalangan warga SST. **Syabas kepada Kontinen Maulidir Rasul SST 1430H/2009M.**



Sepanduk SST yang hampir siap



Ketua kontinen di hadapan masjid UMS